



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Ruj. kami: IPKSEL.BK.100-3/2/3 (18)  
Tarikh : 5 November 2020

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan – Badan Berkanun dan Anak – Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/ Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

## **SURAT HEBAHAN SUK BIL. 9 TAHUN 2020**

### **PENGECUALIAN FI UJIAN PENGESANAN COVID-19 BAGI PENJAWAT AWAM NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG MENJALANKAN TUGAS RASMI DI DALAM DAN LUAR NEGARA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Surat Edaran Kementerian Kesihatan Malaysia (Bil.(48) KKM.400-9/5/3 Jld. 2) bertarikh 23 Oktober 2020.

2. Untuk makluman YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan, Menteri Kesihatan di bawah kuasa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 5, Akta Pencegahan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988, Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit [Caj bagi Ujian Pengesanan Penyakit Berjangkit Koronavirus 2019 (COVID-19)] 2020 yang memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kesihatan Malaysia untuk meremitkan sebahagian Peraturan ini, **telah bersetuju agar fi bagi ujian pengesanan COVID-19 kepada penjawat awam yang menjalankan tugas rasmi di dalam dan ke luar negara diberi pengecualian berkuat kuasa 9 Oktober 2020, termasuk penjawat awam negeri dan pihak berkuasa tempatan.**

**PENGECUALIAN FI UJIAN PENGESANAN COVID-19 BAGI PENJAWAT AWAM NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG MENJALANKAN TUGAS RASMI DI DALAM DAN LUAR NEGARA**

---

3. Pengecualian tersebut adalah terpakai bagi ujian pengesanan COVID-19 yang dibuat di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja. Penjawat awam tersebut perlu mengemukakan surat iringan/ dokumen sokongan yang menyatakan bahawa mereka perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 sebelum menjalankan tugas rasmi tersebut. Penjawat awam yang memohon untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 atas **permintaan sendiri** akan dikenakan caj sebagaimana orang awam. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Edaran Kementerian Kesihatan Malaysia yang menjelaskan maksudnya untuk rujukan YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan.

Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)**  
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.

Edaran dalaman:

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)